



“LAMBAIAN HAJI DAN TARBIAH ILAHIYYAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ...
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar bertaqwa kepada Allah dengan mematuhi segala titah perintah-Nya; melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Khutbah pada minggu ini mengajak kita untuk sama-sama menghayati tajuk “*Lambaian Haji Dan Tarbiah Ilahiyyah*”.



Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Kini setelah umat Islam selesai menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan, dan dengan menjelangnya Syawal, Zulkaedah dan sepuluh hari dalam bulan Zulhijjah maka umat Islam sedang berada di dalam era yang dinamakan sebagai Asyhurul Hurum atau bulan-bulan haji. Gema talbiah (labbaikallahumma labbaik) kedengaran semula menggamit dan melambai umat Islam agar datang berkunjung ke Tanah Suci Makkah sebagai tetamu Allah untuk mengerjakan ibadat Haji.

Dalam konteks ini Allah SWT. berfirman dalam surah Al Hajj ayat 27 :

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ
ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh”.

Kewajipan menunaikan ibadah Haji bagi mereka yang mempunyai kemampuan telah diwartakan di dalam perintah Allah yang tercatat dalam al-Quran.

Firman Allah SWT. dalam surah Ali Imran ayat 97:



... وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ
سَبِيلًا ...

"...Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepada-Nya..."

Kewajipan ini juga telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW. dimana ia adalah menjadi salah satu Rukun Islam yang lima.

Hadis daripada 'Abdullah ibn 'Umar RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

"Islam didirikan di atas lima perkara: melafazkan syahadah tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasul-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan ibadah Haji di Baitullah, dan puasa di bulan Ramadhan".

(Riwayat Muslim).

Perintah menunaikan Haji dikuatkan dengan amaran yang amat keras kepada mereka yang tidak mahu menunaikannya sekali pun telah mampu dan mencukupi syarat.



Hadis daripada Sayyidina 'Ali RA. bahawa Rasulullah SAW. telah bersabda :

مَنْ مَلَكَ زَادًا وَرَاحِلَةً تَبْلُغُهُ إِلَى بَيْتِ اللَّهِ
وَلَمْ يُحِجَّ فَلَا عَلَيْهِ أَنْ يَمُوتَ يَهُودِيًّا أَوْ
نَصْرَانِيًّا

"Sesiapa yang mempunyai bekalan dan kenderaan yang membolehkannya sampai ke Baitullah untuk mengerjakan haji tetapi dia tidak berbuat demikian maka tiada apa yang menghalang ia mati sama ada sebagai seorang Yahudi atau Nasrani..."

(Riwayat At Tarmizi).

Hadirin sidang Jumaat yang di rahmati Allah sekalian,

Ibadah Haji adalah suatu ibadah yang dilakukan dengan pergerakan anggota dan niat semata, tanpa bacaan yang wajib, ia merangkumi aspek fizikal seperti tawaf, sa'ie, wuquf di 'Arafah, bermalam di Muzdalifah, melontar Jamarat di Mina dan lain-lain. Ia ibadah yang menyeronokkan tetapi agak sukar dilakukan oleh orang yang tidak mahu belajar atau tidak mahu mengikuti kursus haji sedangkan ia belum pernah mengerjakan haji, atau mereka langsung tidak bercita-cita untuk menunaikan haji.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Seperti ibadah-ibadah yang lain, haji juga mempunyai peraturan-peraturan dan pantang larang ketika berada dalam ihram dan ketika berada di tanah suci. Contohnya larangan memakai pakaian yang bersarung bagi



orang lelaki, larangan menutup muka bagi orang perempuan. Larangan memakai harum-haruman, larangan melakukan persetubuhan atau muqaddimah persetubuhan (bercumbu-cumbuan) atau menuturkan kata-kata lucah, larangan maki hamun, bertengkar dan sebagainya. Semuanya itu adalah memberikan peluang kepada para jemaah haji membuktikan jati diri, kesetiaan mereka kepada Allah, Syariat-Nya dan sebagai latihan dalam mendisplinkan diri dalam kehidupan. Sesiapa yang patuh maka berjayalah ia untuk mendapat haji yang mabrur iaitu haji yang diterima baik oleh Allah SWT. dan memberi kesan yang positif dalam kehidupan mereka seterusnya.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

الْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

"Haji yang mabrur tiada balasan yang lain melainkan syurga"

(Riwayat an-Nasa'ie).

Sebaliknya sesiapa yang ingkar maka sia-sialah amalannya dan ia akan berhadapan dengan perhitungan Allah.

Firman Allah dalam surah Al Baqarah ayat 197:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ



ج خَيْرٌ يَعْلَمُهُ اللَّهُ ^{قُلْ} وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى
وَأَتَّقُوا يَأُولَى الْأَلْبَابِ

"(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) Ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, Dalam masa mengerjakan Ibadat Haji. dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal Denganukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)".

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Ada beberapa tausiah penting yang perlu direnung oleh bakal-bakal Haji dan oleh orang-orang yang telah mengerjakannya bahkan oleh seluruh muslimin dan muslimat. Antaranya adalah:

1. Semua ibadah termasuklah ibadat Haji hendaklah dilakukan dengan ikhlas semata-mata menjunjung titah perintah Allah.
2. Sebahagian besar perkara dalam ibadah adalah tergolong dalam kategori ta'abudiyah seperti penentuan waktu solat, bilangan pusingan dan cara-cara pusingan semasa tawaf dan sa'ie, pakaian dan pantang larang semasa ihram, bilangan batu dan hari-hari lontaran semasa di Mina dan lain-lain.



Ia berbeza dengan perkara Akidah, sebahagian besar perkara akidah dapat difikir dengan akal fikiran yang waras kecuali perkara sam'iyat atau ghaibiyat seperti kepercayaan kepada syurga, neraka, malaikat, alam barzakh dan lain-lain.

3. Ibadah Haji mendidik umat manusia mempunyai arah tuju yang sama iaitu menunaikan dan mematuhi titah perintah Allah. Persamaan taraf manusia tidak kira apa kedudukan pangkat dan darjat, kesemuanya sama di sisi Allah.

Hadis daripada Tawus RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

...كُلُّكُمْ لَأَدَمَ وَأَدَمُ مِنْ تُرَابٍ...

"...Kesemua kamu dari Adam dan Adam pula berasal dari tanah..."

(Diambil dari Kitab Akhbar Makkah Lil 'Azraaqi).

4. Larangan mengungkapkan kata-kata rafath (gurauan lucu, carut, maki hamun, nista , dusta dan fitnah) adalah bertujuan mentarbiah umat Islam agar perihatin dan menghindarkan diri daripada perbuatan dan pertuturan yang keji.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. Bahawa Rasulullah SAW. bersabda bahawa :



إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ يُضْحِكُ
بِهَا جُلْسَهُ هُ , يَهْوِي بِهَا مِنْ أْبَعْدِ مِنْ
الْثَرَيَّا

"Sesungguhnya apabila seseorang lelaki bercakap dengan suatu perkataan yang bertujuan untuk menjadikan orang ketawa maka ia pasti akan dihumban jauh dari syurga sejauh bintang thurayya".

(Riwayat Ibnu Hibban).

5. Mendidik diri kita menjadi individu terbaik, beriman dan soleh serta menjadi contoh ikutan bagi orang lain setelah pulang ke tanah air.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Akhirnya, marilah kita terus mencerminkan diri kita dengan menghayati pesanan Ilahi sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran al-Karim.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkan (atau perbuatan yang dilakukan) melainkan ada di sisi-Nya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)".

(Qaf : 18).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ،
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ



وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ
الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ
صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ
أَدِمِ الْعُونََ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ



شَاهِ الْحَاجَّ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ
وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
03.09.2014